

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.8 HINGGA NO. 58)

20 OCT 2015

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 7)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2015 (SELASA)

RUJUKAN : DR007

SOALAN:

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-

- (a) senaraikan syarikat yang telah memperolehi lesen daripada Kementerian untuk mengeksport bauksit ke negara China dari Pelabuhan Kuantan; dan
- (b) di atas dasar apakah lesen mengeksport bauksit ini dibenarkan oleh Kementerian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pengeksportan mineral termasuk bauksit adalah dibenarkan melalui Permit Eksport (AP) yang dikeluarkan oleh NRE di bawah Akta Kastam 1967. Kerajaan menggalakkan pengusahaan sumber mineral sebagai salah satu aktiviti ekonomi negara. Sehingga kini, tiada larangan eksport terhadap bauksit.

Sehingga kini terdapat 44 syarikat yang telah dikeluarkan AP pengeksportan bauksit ke China.

Sekian, terima kasih.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BT ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS - BN]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2015 (SELASA)

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah sukan air seperti "*water ski*" dan "*wake board*" akan dipromosi oleh Kementerian secara meluas di Malaysia memandangkan ia mampu melahirkan peserta yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa dan juga sebagai prospek pingat dalam Sukan Olimpik Tokyo 2020.

SULIT

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukan Ski Air dan “Wake Board” tidak disenaraikan sebagai salah satu dari **19 jenis sukan teras** yang perlu dibangunkan diperingkat akar umbi kerana sukan ini **tidak kerap dipertandingkan** di temasya Sukan SEA dan **tidak dipertandingkan** di temasya Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik. Malah, sukan ini juga tidak pernah dipertandingkan di temasya **Sukan Malaysia**.
2. Baru-baru ini juga, Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) telah pun menolak permohonan Persekutuan Ski Air dan “Wake Board” Antarabangsa (***International Water Ski and Wake Board Federation (IWWF)***) untuk menyenaraikan sukan ini di temasya Sukan Olimpik Tokyo pada tahun 2020.
3. Walau bagaimanapun, sukan Ski Air dan “Wake Board” ini merupakan salah satu sukan penyumbang pingat untuk negara khususnya di temasya Sukan SEA Singapura 2015 yang lalu dengan pencapaian 2 pingat emas, 2 pingat perak dan 3 pingat gangsa. Justeru, Kementerian percaya bahawa sukan Ski Air dan “Wake Board” ini akan dipertimbangkan untuk disenaraikan sebagai salah satu sukan yang akan dipertandingkan di Sukan SEA ke-29 di Kuala Lumpur pada tahun 2017.

SULIT

4. Justeru, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara akan bekerjasama dengan **Persekutuan Ski Air dan "Wake Board" Malaysia** dalam melaksanakan program-program latihan pendedahan dan pertandingan dalam menyediakan atlet-atlet terbaik untuk membantu dalam menyumbang pingat buat kontinjen negara di temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 akan datang.

Sekian, terima kasih.